

Sukan

INFO SUKAN

LUNGE merujuk kepada mana-mana kedudukan tubuh manusia, di mana satu kaki di posisi hadapan dengan lutut dibengkokkan dan kaki rata di tanah sementara kaki yang lain diletakkan di belakang. Pergerakan ini digunakan oleh atlet dalam latihan silang untuk sukan, pelatih angkat berat sebagai latihan kecergasan dan juga pengamal yoga.



ePaper Pelita Brunei

Taman Riadah Bukit Kindana dirasmikan



Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Inisiatif MPK Sungai Bunga itu merupakan fasa permulaan bagi mengembangmajukan lagi ekonomi melalui pelancongan di samping mempromosikan aktiviti sihat serta menjadikan tempat riadah tersebut bagi seisi keluarga.

Bukit di taman yang baru sahaja dirasmikan itu nanti, pihak MPK Sungai Bunga juga akan merancang untuk memperluaskan laluan trek bukit berkenaan yang menembusi ke Kampung Pudak dan Kampung Menunggol kerana seperti yang kita tahu kedudukan kampung-kampung berkenaan adalah dalam satu pulau, iaitu Pulau Berambang.

Setentunya MPK Sungai Bunga berharap dengan adanya taman itu mampu menarik lebih ramai pelancong yang datang dalam memperkenalkan lagi Perumahan Kampung sungai Bunga yang sinonim sebagai destinasi pelancongan berasaskan komuniti yang menarik lagi unik.

Taman riadah itu juga diharap memberi ruang dan peluang terutama kepada para belia untuk membuka perniagaan secara kecil-kecilan seperti perahu tambang yang menjadi salah satu sumber rezeki pendapatan dengan membawa para pengunjung ke kampung itu selain daripada gerai-gerai jualan.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa merasmikan Taman Riadah Bukit Kindana, Perumahan Kampung Sungai Bunga.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Disember. - Usaha ke arah memantapkan lagi perkhidmatan dan meningkatkan nilai tambah bagi menarik para pelancong, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga mengusahakan lagi pakej baharu dengan adanya Taman Riadah Bukit Kindana, Perumahan Kampung Sungai Bunga yang dirasmikan hari ini.

Program aktiviti mendaki bukit terutama

peminat aktiviti mendaki dan pencinta alam semula jadi itu berpotensi menjadi daya tarikan para pelancong sekaligus mengetengahkan sejarah negara kerana terdapatnya tapak peninggalan khazanah sejarah antaranya Makam Sultan Muhammad Hasan yang terletak tidak jauh dari taman berkenaan.

Selain menawarkan aktiviti mendaki, iaitu trek keseluruhan tersedia sepanjang

3.8km, MPK Sungai Bunga (Tanjung Kindana) juga menawarkan dan menyelenggarakan Program Perkhemahan di Taman Riadah Bukit Kindana yang terletak di kawasan daratan perumahan kampung berkenaan.

Perasmian taman berkenaan disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, Penghulu Mukim Kota Batu.

al-Mawaddah Hiking iFESS, FEKIm

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Disember. - Persatuan Pelajar Ekonomi dan Kewangan Islam (iFESS), Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), baru-baru ini, mengadakan al-Mawaddah Hiking, iaitu aktiviti riadah mendaki Bukit Sipatir, di Kampung Subok.

Ia merupakan aktiviti pelajar bersama Pensyarah FEKIm UNISSA pada musim cuti semester ini. Aktiviti ini disertai oleh seramai 32 orang.

Turut menyertai kumpulan tersebut, Dekan FEKIm, UNISSA, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Sebelum aktiviti mendaki dimulakan seawal jam 7.00 pagi, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Unit Keagamaan iFESS, Awang Muhammad Wafiq bin Haji Marjuki, diikuti dengan acara senamrobik.

Acara mendaki bermula pada jam 7.20 pagi dan kumpulan peserta sampai ke penamat pada jam 8.45 pagi.

Objektif yang hendak dicapai menerusi aktiviti riadah ini ialah untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara mahasiswa, pensyarah dan kakitangan FEKIm UNISSA, di samping menggalakkan para peserta untuk mengamalkan cara dan gaya hidup sihat.



DEKAN Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani semasa sesi bergambar ramai pada al-Mawaddah Hiking, aktiviti riadah mendaki Bukit Sipatir, di Kampung Subok.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KEHIDUPAN SIHAT ASAS UTAMA CAPAI KEJAYAAN, KEMAJUAN PELBAGAI BIDANG

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam